



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 3 JULAI 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	CARI JALAN BANTU PENTERNAK KUPANG TERJEJAS, LOKAL, HM -17	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2. 3.	RANIA PERSIS MOGWLI VERSI PEREMPUAN, NEGARA, KOSMO -15 RANIA JADIKAN HAIWAN TERNAKAN 'RAKAN KARIB', KUALA NERUS, SH -28	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
4. 5.	IKAN KERAPU, JENAHAK GAGAL LOLOS SEMPADAN KE SINGAPURA, NEGARA, KOSMO -16 GAGAL SELUDUP IKAN HIDUP KE SINGAPURA, PASIR PUTEH, SH -24	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
6.	KURSUS PERKASA TANAMAN NANAS, KOMUNITI KITA, UM -29	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
7. 8. 9. 10. 11. 12. 13. 14. 15. 16. 17. 18. 19. 20.	JAS PANTAU PEMBERSIHAN TUMPAHAN 40,000 LITER SUSU GETAH, KOTA BHARU, SH -27 TUAI 'SAYUR LONGKANG' SATU TAN SEBULAN, BESUT, SH -23 40,000 LITER SUSU GETAH MASUK SAWAH, NEGARA, KOSMO -17 PESAWAH RUGI RM10,000, BENDANG BERTUKAR PUTIH, NEGARA, KOSMO -17 PESAWAH RUGI HAMPIR RM10k, LOKAL, HM -20 JAS KEDAH PANTAU AKTIVITI PEMBERSIHAN, LOKAL, HM -20 PESAWAH RUGI RM10,000 SUSU GETAH TUMPAH DALAM BENDANG, DALAM NEGERI, UM -31 DARI HOBI KINI BUAH IN SUMBER REZEKI, DALAM NEGERI, UM -32 JUALAN DURIAN CECAH DUA TAN SEHARI, DALAM NEGERI, UM -32 DURIAN PETI SETANDING MUSANG KING, DALAM NEGERI, UM -32 KEBUN SAINS PELAJAR TANAM PADI, UTUSAN PELAJAR, UM -21 KEBUN SAINS PELAJAR TANAM PADI PERKARANGAN SEKOLAH, UTUSAN PELAJAR, UM -22 MATOA PUNYA RASA TIGA JENIS BUAH, DALAM NEGERI, UM -34 MALAYSIAN VOLUNTEER SERVICE HIGHLIGHTS SUSTAINABLE FOOD SECURITY, NATIONAL, THE SUN -6	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Melaka: Penternak kupang yang menternak hidupan laut itu sekitar persisir pantai di Jasin di sini, masih dilarang menjual hidupan itu kepada orang ramai sejak April lalu.

Timbalan Menteri Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Arthur Joseph Kurup berkata, langkah itu terpaksa diambil kerajaan bagi mengelak ke-mudarat susulan beberapa kes keracunan dilaporkan sebelum ini.

Beliau berkata, KPKM berusaha mencari jalan bagi membantu penternak kupang terjejas dengan meneliti bantuan yang boleh dihulurkan kerajaan.

Cari jalan bantu penternak kupang terjejas

"Penternak ini juga adalah nelayan dan masih turun ke laut...mereka masih ada pendapatan hasil tangkapan laut, bagaimanapun kita juga melihat kepada tabung bencana yang ada untuk membantu penternak ini sebagai satu bentuk mitigasi ketika larangan masih dikuatkuasakan ketika ini," katanya.

Sementara itu, beliau memaklumkan KPKM menyalurkan RM34.09 juta kepada Melaka tahun ini bagi menyokong agenda pembangunan industri agromakanan.

Menurutnya, daripada

jumlah itu, sebanyak RM21.3 juta diperuntukkan secara terus kepada Melaka di bawah Program Mengoptimalkan Penggunaan Tanah ke Arah Keterjaminan Makanan Negara.

"Program kerjasama KPKM dengan kerajaan negeri merupakan inisiatif *quick win* bagi membantu pelaksanaan projek agromakanan negeri antaranya menaik taraf Kompleks Teknologi Pertanian Sungai Udang, Penternakan dan Pembenhian Ikan Air Tawar dan Projek Sekuriti Makanan Pertanian Melaka," katanya selepas sesi libat urus bersama pe-ladang, penternak dan ne-layan negeri, semalam.



ARTHUR Joseph Kurup (empat dari kanan) beramah mesra bersama peniaga di Dewan Komuniti Telok Mas, Melaka.

Tidak berminat bermain gajet seperti kanak-kanak lain, lebih suka jaga haiwan

Rania persis Mogwli versi perempuan

Oleh KAMALIZA KAMARUDDIN

KUALA NERUS – Tidak seperti kebanyakan kanak-kanak sebayanya, Wan Rania Amanda Wan Mohd. Faizal, 11, tidak berminat bermain gajet sebaliknya lebih obses bergaul dengan haiwan-haiwan ternakan bapanya.

Murid tahun lima Sekolah Kebangsaan (SK) Sultan Sulaiman I, Kuala Terengganu itu tidak kekok memberi makan, bergurau-senda, bermain kejar-kejar dengan haiwan-haiwan ternakan berkeajaan persis Mogwli versi kanak-kanak perempuan.

Wan Rania Amanda berkata, dia lebih gemar mengisi masa terluang selepas pulang sekolah dan hujung minggu bermain dengan kambing betina kesayangannya diberi nama Rocky dan Bobby serta lembu digelar Jate dan Flora.

"Selain itu saya juga membela hamster dan kambing kerdil spesies *Nigerian Dwarf* yang dibawa bermain hingga ke dalam rumah.

"Membelai dan berkongsi 'perasaan' sedih dan gembira bersama haiwan-haiwan terna-



WAN RANIA AMANDA bermain bersama haiwan ternakan bapanya di Baruh Tok Jiring, Kuala Nerus semalam.

kan ini cukup membuatkan saya seronok dan tenang," katanya ketika ditemui di kandang haiwan

ternakan bapanya di Baruh Tok Jiring di sini semalam.

Wan Rania Amanda berkata,

bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam penjagaan haiwan ternakan, dia kerap

menonton video Jabatan Perkhidmatan Veterinar di laman YouTube.

Anak sulung daripada lima beradik tersebut memberitahu, antara ilmu veterinar yang dipelajarinya ialah rawatan haiwan yang sakit perut dan cara penjagaan anak kambing dan lembu baru lahir.

Wan Rania Amanda yang meminati subjek Sains dan Bahasa Inggeri berkata, dia bercita-cita untuk menjadi doktor veterinar apabila dewasa kelak.

Sementara itu, bapanya, Wan Mohd Faizal Wan Zulkefli, 37, berkata, anak sulungnya, Wan Rania Amanda gemar bertandang ke kandang ternakannya setiap hari dan akan merajuk sekiranya tidak dibawa bertemu haiwan-haiwan tersebut.

Beliau berkata, anak perempuan juga larang menjual beberapa haiwan ternakan kesayangan terutama kambing kerdil kerana terlalu menyayanginya.

"Saya bela 350 ekor kambing dan lembu di tiga kandang bersebaran di sekitar daerah ini," jelasnya.

Ikan kerapu, jenahak gagal lolos sempadan ke Singapura



SEBAHAGIAN ikan merah dirampas Maqis Johor di KSAB, Gelang Patah, Iskandar Puteri kelmarin.

ISKANDAR PUTERI – Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) berjaya menggagalkan cubaan menyeludup pelbagai jenis ikan tanpa permit ke Singapura di Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB), Gelang Patah, di sini kelmarin.

Pengarah Maqis Johor, Edie Putra Md. Yusof berkata, cubaan itu digagalkan pihaknya selepas memeriksa sebuah lori membawa satu tong berisi ikan hidup pada pukul 3.49 pagi di laluan lori eksport KSAB.

Menurut beliau, antara ikan berkenaan termasuk kerapu,

ikan merah dan jenahak.

Hasil pemeriksaan, Pegawai Penguat Kuasa Maqis menemukan 6 kilogram (kg) ikan kerapu, 6kg ikan merah dan 4kg ikan jenahak yang diletakkan bercampur di dalam satu tong yang disorok di celah-celah tong lain.

"Ikan-ikan yang cuba diseludup ini dianggarkan bernilai RM745.

"Pemeriksaan dibuat mendapati ikan-ikan itu cuba dibawa keluar tanpa permit eksport Maqis atau tanpa sebarang pengikraran yang betul," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Sehubungan itu tambah Edie

Putra, pemandu lori berusia 24 tahun dan kelindan yang berusia 22 tahun diambil keterangan sebelum dibebaskan bagi memban-tu siasatan, manakala ikan-ikan berkenaan dirampas.

Edie Putra menegaskan, pihaknya tidak akan berkompromi dengan perbuatan mengeksport produk pertanian tanpa permit eksport.

"Perbuatan itu merupakan kesalahan di bawah Seksyen 11(2) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3) Akta sama," ujarnya.

3/7/2024

SINAR
HARIANKOTA
BHARU

27

JAS pantau pembersihan tumpahan 40,000 liter susu getah

ALOR SETAR - Jabatan Alam Sekitar (JAS) masih memantau kerja-kerja pembersihan tumpahan 40,000 liter susu getah dari sebuah lori treler yang terbabas ke dalam parit di tepi jalan Kilometer 41.2 Lebuhraya Utara - Selatan, arah selatan berhampiran Hutan Kampung pada Sabtu lalu.

Pengarah JAS Kedah, Sharifah Zakiah Syed Sahab berkata, lori treler kelas tiga tersebut membawa dua kontena yang mengandungi 40,000 liter muatan susu getah (lateks) ketika terbabas, kira-kira jam 6.40 petang.

Menurutnya, hasil pemeriksaan pada hari kejadian mendapati kesemua susu getah tersebut tumpah dari kontena berkenaan dan memasuki longkang serta sawah padi berhampiran.

"JAS Kedah menerima e-mel berhubung kejadian itu daripada sistem e-

aduan pada 6.59 petang Sabtu. Pegawai JAS kemudian bergerak ke lokasi untuk melakukan siasatan.

"Setakat Isnin, didapati susu getah itu masih mengalir hingga lebih 500 meter di bahagian kiri dan kanan jalan selain sebahagian memasuki kawasan sawah padi," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Sharifah Zakiah berkata, bagi membendung atau meminimumkan aliran terbabit, Projek Penyelenggaraan Lebuhraya Berhad (PROPEL) Projek Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) menyekat aliran dengan menggunakan beg guni pasir dan tanah di jajaran longkang.

"Tindakan awal PROPEL dan PLUS pada hari kejadian ini membantu meminimumkan aliran sisa tumpahan susu getah dan dapat mengelakkan ia masuk ke dalam sungai berdekatan," ujarnya.



Sharifah Zakiah (kanan) memantau kerja-kerja pembersihan di lokasi tumpahan susu getah.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/7/2024	SINAR HARIAN	JOHOR BHARU	24

Gagal seludup ikan hidup ke Singapura

JOHOR BAHRU - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) menggagalkan satu cubaan membawa keluar ikan hidup tanpa permit ke Singapura pada Isnin.

Menurut kenyataan, lori membawa kotak berisi ikan kerapu, ikan merah dan jenahak ditahan ketika pemeriksaan di Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB), Gelang Patah kira-kira jam 3.49 pagi.

"Hasil pemeriksaan pegawai penguat kuasa Maqis menemukan 12 kilogram (kg) ikan kerapu dan ikan merah serta empat kg ikan jenahak bernilai RM745 dalam sebuah tong.

"Tong ikan disorok di celah tong lain

cuba dibawa keluar tanpa permit eksport Maqis," katanya.

Katanya, pemeriksaan lanjut mendapati ikan hidup itu cuba dibawa keluar tanpa sebarang ikrar dan ditahan untuk tindakan lanjut.

"Sebarang perbuatan mengeksport apa-apa jenis keluaran pertanian tanpa permit eksport sah adalah satu kesalahan mengikut Seksyen 11(2) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011.

"Sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.



Ikan kerapu hidup yang disembunyikan dalam tong cuba diseludup ke Singapura.



Muhammad Syafiq berhasrat untuk memperluas usahanya dengan menanam sayur hidroponik yang lebih banyak.

Tuai 'sayur longkang' satu tan sebulan

Kangkang hidroponik diusahakan dapat permintaan tinggi

Oleh NORHASPIDA YATIM

Kegigihan dua sahabat mengusahakan tanah terbuai dengan menanam sayur hidroponik membuahkan hasil apabila berjaya menjual lebih satu tan sayuran itu dalam tempoh sebulan.

Menurut Muhammad Syafiq, mereka telah memulakan tanaman bersama rakannya, Zulfirri Ahmad, 27, di tanah seluas 0.2 hektar bagi memperolehi penghasilan.

Mereka tidak menyangka hasil tanaman itu mendapat sambutan hebat kerana dilakukan sekadar mengisi waktu terluang.

"Saya berhasrat Zulfirri memulakan usahanya dengan menanam sayur hidroponik secara hidroponik bagi mencari sumber pendapatan sampingan di masa yang senggang."

"Kami tak sangka usaha ini membuahkan hasil yang lumayan. Kami mampu meraih pendapatan kira-kira RM4,000 dalam tempoh sebulan. Kami akan memperluasnya ketika di-

Muhammad Syafiq menunjukkan tanaman kangkung hidroponik yang diusahakannya.



panjang," ujarnya.

Serentare itu, Zulfirri berkata, mereka menggunakan kaedah pertanian moden dengan menggunakan kamera litar tertutup (CCTV) untuk memantau tanaman kangkung yang juga dikenali sebagai 'sayur longkang'.

"Secara tidak langsung, tanaman ini dapat mengawal dan memantau suhu, kelembapan, dan pemakanannya secara automatik," katanya.

"Dengan kecanggihan teknologi kini juga, kualiti pertanian tanaman 'sayur longkang' lebih terjamin dan kaedah telusurnya juga lebih mudah diakses," katanya.

Menurut Zulfirri, mereka kini merancang memperluaskan kaedah tanaman secara hidroponik dengan pebagai tanaman kontan lain termasuk sayur-sayuran.

"Selain ini kami berhasrat memperluaskan tanaman sayuran lain yang sesuai menggunakan kaedah hidroponik."

"Kami juga berhasrat satu hari nanti dapat menjadi salah satu pemimpin dalam industri ini," katanya.

Hebat nek bagi tahu ada sesuatu yang MENARIK menanti anda Julai ini!

Karipal Kalay



Kursus perkasa tanaman nanas

LEMBAGA Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) Negeri Johor menganjurkan Kursus Asas Teknologi Pengurusan Tanaman Nanas Siri 2/2024 bertujuan memberi pendedahan kepada pengusaha tanaman nanas di negeri itu, baru-baru ini.

Kursus selama dua hari itu disertai 40 peserta terdiri daripada pengusaha tanaman nanas sama ada yang telah mengusahakannya atau baru menjalankan aktiviti pertanian tersebut.

Peserta diberikan penerangan oleh penceramah LPNM mengenai aktiviti utama tanaman nanas menerusi beberapa modul bermula daripada penyediaan

tapak, pemilihan benih, pembajaan, penjagaan, peneaian dan pemasaran.

Turut diberikan penerangan ialah mengenai Geran

Agropreneur Muda yang memberi peluang kepada pengusaha tanaman nanas atau industri asas tandi berasaskan nanas berumur 18 - 40 tahun untuk memohon bantuan tersebut.

■ PESERTA Kursus Asas Teknologi Pengurusan Tanaman Nanas Siri 2/2024 anjuran LPNM Negeri Johor bergambar bersama Ketua Unit Pembangunan Usahawan LPNM Johor, Ma'som Abdul Jalal (duduk tengah) di Taman Perling, Johor Bahru, baru-baru ini.

Mengalir masuk parit dan bendang, kerja pengepaman masih diteruskan

40,000 liter susu getah masuk sawah

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS

ALOR SETAR – Kira-kira 40,000 liter susu getah tumpah, serta mengalir masuk ke dalam parit dan sawah selepas sebuah lori membawa muatan itu terbabas di Kilometer 41.2 Lebuhraya Utara-Selatan, di sini baru-baru ini.

Ekoran kejadian pada pukul 6.40 petang, Sabtu lalu itu, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Kedah telah menggunakan tiga lori untuk mengangkut semula sisa susu getah itu setakat semalam.

Pengarahannya, Sharifah Zakiah Syed Sahab berkata, susu getah itu tumpah selepas kenderaan berat itu yang datang dari arah Hutan Kampung ke Alor Setar Utara terbabas ke kawasan parit.

Katanya, triler terbabit ketika kejadian sedang membawa muatan susu getah dari Hatyai, Thailand ke Pelabuhan Pulau Pinang.

"Dianggarkan 40,000 liter susu getah telah tumpah sepenuhnya dari kontena kenderaan terbabit dan memasuki parit.

"Anggaran jajaran parit yang terlibat pada peringkat awal adalah 300 meter dan hasil susulan



KERJA-KERJA menyedut tumpahan sisa susu getah masih diteruskan sehingga semalam di KM41.2 Lebuhraya Utara-Selatan di Alor Setar.

semalam (keimartin) mendapati susu getah telah mengalir pula sehingga lebih 500 meter di kiri dan kanan dengan sebahagian memasuki sawah," katanya.

Katanya, tindakan awal diambil oleh Syarikat Projek Penyelenggaraan Lebuhraya Ber-



KAWASAN sawah turut dimasuki tumpahan susu getah.

sisa susu getah yang bercampur air mulai pagi semalam selepas kerja-kerja pengalihan lori selesai dibuat pada Ahad lalu," ujarnya.

Katanya, JAS telah mengambil sampel sisa tumpahan yang masih dalam bentuk cecair di dalam longkang dan pemantauan

Pesawah rugi RM10,000, bendang bertukar putih

ALOR SETAR – Tumpahan susu getah daripada sebuah triler terbabas di Kilometer 41.2 Lebuhraya Utara-Selatan di sini menyebabkan seorang pesawah menanggung kerugian kira-kira RM10,000 berikutan bendang usahakannya dicemar bahan itu.

Menurut Muhammad Shafie, 65, kawasan bendangnya seluas 1.15 hektar kini bertukar warna putih sementara tanaman padi yang baru dibaja menjadi kemerah-merahan akibat kejadian itu.

Katanya, tumbuhan lain di kawasan berhampiran seperti kangkung juga 'mati', sekali gus memberi gambaran padinya juga akan mengalami nasib sama.

"Lori itu terbabas petang Sabtu lalu, namun saya hanya tahu keesokan harinya menerusi seorang rakan.

"Saya sempat bertemu dengan pemilik lori itu. Setakat ini perbincangan masih diadakan untuk dia membayar ganti rugi berkaitan apa yang berlaku," ka-



MUHAMMAD SHAFIE menunjukkan kawasan bendangnya yang bertukar warna menjadi putih akibat tumpahan susu getah.

tanya ketika ditemui.

Muhamad berkata, kejadian sedemikian tidak pernah berlaku sepanjang lebih 30 tahun dia mengusahakannya.

"Susu getah ini pun sudah membeku. Ekoran apa yang berlaku, rasanya memang tak ada peluang untuk saya menuai hasil di sini, musim ini. Malah untuk musim depan pun, saya tak tahu lah sama ada penanaman semula padi boleh dilakukan di kawasan ini atau tidak," ujarnya.

3/7/2024

HARIAN
METRO

LOKAL

20

Pesawah rugi hampir RM10k

Alor Setar: "Tumpahan susu getah itu menyebabkan 1.15 hektar sawah saya rosak sehingga mengakibatkan kerugian hampir RM10,000," kata Muhammad Shafie, 65.

Dalam kejadian Sabtu lalu, sebuah treler yang membawa muatan 40,000 liter susu getah terbabas ke dalam parit di tepi jalan di Kilometer 41.2 Lebuh raya Utara Selatan arah berhampiran Hutan Kam-pung dekat sini.

Kejadian itu menyebabkan kan susu getah itu tumpah di lokasi kejadian dan mengalir ke dalam parit sebelum memasuki kawasan sawah.

Tinjauan di lokasi semalam mendapati, syarikat pembersihan giat mem-bersihkan tumpahan susu



"Sebanyak 1.15 hektar sawah milik saya ini rosak dan memakan masa yang panjang untuk tanaman semula padi kerana semuanya sudah dipenuhi susu getah.

Muhammad Shafie

Alor Setar: Jabatan Alam Sekitar (Jas) Kedah melaksanakan pemantauan pembersihan tumpahan kira-kira 40,000 liter susu getah dari sebuah treler yang terbabas ke dalam parit di Kilometer 41.2 Lebuh raya Utara Selatan arah selatan dari Hutan Kam-pung pada 29 Jun lalu.

Pengarah Jas Kedah, Sharifah Zakiah Syed Sa-hab berkata, pihaknya menerima emel mengenai kejadian itu daripada sistem e-aduan pada hari berke-naan jam 6.59 petang.

Menurutnya, pegawai Jas Kedah kemudiannya ke lo-kasi untuk melakukan sia-satan.

"Fasil siasatan menda-pati treler Kelas 3 itu mem-bawa dua kontena yang mengandungi 40,000 liter muatan susu getah terba-bas di lokasi kejadian.

Sharifah berkata, angga-ran jajaran longkang atau

40,000 LITER SUSU GETAH TUMPAH

Jas Kedah pantau aktiviti pembersihan

parit yang terbabit pada peringkat awal adalah 300 meter.

"Bagi membendung atau meminimumkan aliran terbabit, pihak Propel Plus kemudian menyekat de-ngun menggunakan beg guni pasir dan tanah di jajaran longkang.

Menurutnya, Jas Kedah mengarahkan pihak syari-kat supaya melantik kon-tractor, bagi kerja-kerja penyedutan sisa tumpa-han susu getah dan kerja pembersihan terbabit.

"Jas turut mengambil sampel sisa tumpahan su-su getah di longkang.

"Pemantauan berreru- ini berlaku," katanya.

san masih dilakukan oleh Jas Kedah bagi memasti-kan kerja-kerja pembersi-han dibuat sehingga sem-purna dan buangan diban-tar ke premis kitar semula getah yang berlesen de-ngun Jas di Pulau P'ang,

Beliau berkata, setakat kelmarin tiga buah lori di-gunakan untuk mengang-kut sisa getah yang dipam-dengan jumlah keseluru-han 36 tan.

"Selain itu, pemandu kenderaan juga perlu ter-latih dan berada dalam ke-adaan baik serta sesuai un-tuk memandu bagi meng-elak kemalangan seperti ini berlaku," katanya.



HAFIE menunjukkan tumpahan susu getah yang memasuki sawah miliknya (gambar kanan) di Hutan Kampung. - Gambar NSTP/ZULIANY ZULKIFFLI

Pesawah rugi RM10,000 susu getah tumpah dalam bendang


Oleh **MOHD. RAFIE AZIMI**
utusannews@mediamulla.com.my

ALOR SETAR: Seorang pesawah rugi kira-kira RM10,000 berikutan bendang diusahakannya dicemari tumpahan susu getah daripada sebuah treler yang terbabas di Kilometer 41.2, Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) di Hutan Kampung, Sabtu lalu.

Menurut Muhammad Shafie, 65, kawasan bendangnya seluas 1.15 hektar kini bertukar warna kepada putih sementara tanaman padi yang baru dibaja menjadi kemerah-merahan akibat tumpahan itu.

Malah kawasan, tumbuhan lain di kawasan berhampiran seperti kangkung juga mati sekali gus memberi gambaran seolah-olah padinya akan mengalami nasib sama.

"Lori itu terbabas pada petang Sabtu namun saya hanya



MUHAMMAD SHAFIE menunjukkan bendangnya bertukar menjadi putih akibat tumpahan susu getah susulan kemalangan di Lebuhraya PLUS, Hutan Kampung di Alor Setar.

tahu keesokan harinya menerusi seorang rakan yang menelefon. Dia memaklumkan kawasan sawah saya sudah bertukar warna putih akibat tumpahan susu getah.

"Lantaran itu, saya berkeinginan untuk melihat sendiri trailer tersebut yang masih belum dialihkan. Di situ juga saya bertemu dengan pegawai Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan ketera-

ngan saya diambil.

"Selain itu saya juga sempat bertemu dengan pemilik lori tersebut. Setakat ini perbincangan masih diadakan untuk dia membayar ganti rugi berikutan apa yang berlaku," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Dalam kejadian kira-kira pukul 6.40 petang, treler membawa susu getah dari Hatyai, Thailand ke Pelabuhan Pulau Pinang terbalik menyebabkan 40,000 liter susu getah atau lateks yang diletakkan dalam dua kontena, tumpah ke dalam parit.

Menurut Pengarah JAS negeri, Sharifah Zakiah Syed Sahab, susu getah itu pada mulanya hanya memasuki parit berhampiran yang dianggarkan sepanjang 300 meter namun tumpahan itu didapati mengalir semakin jauh hingga ke jarak melebihi 500 meter.



SHAMBU, lelaki Bando memetik buah tin yang sudah masak di ladangnya di Slim River dekat Tanjung Malim. - UTUSAN/ANISA FIKRI BIN

Dari hobi kini buah tin sumber rezeki

TANJUNG MALIM: Seorang penerbit kimpalan beryukur pokok tin yang ditanam sebagai hobi kini menjadi sumber pendapatan tambahan kepadanya.

Shahral Hafizi Kamle, 26, mula menanam pokok tin pada 2021 di satu kawasan dimanfaatkan sebagai ladang di Slim River.

Katanya, tanpa disangka, buah tin mendapat permintaan tinggi kerana ia baik untuk kesihatan dan bergizi.

"Pada awalnya saya menanam pokok tin sekadar hobi mengikut kesahibutan yang ditetapkan bagi memastikan pembesaran pokok tin berjalan dengan baik," katanya.

"Naman, sudah masak, ramai berminat membelinya. Buah tin berharga RM800 sekepinggram dan senjaket ini saya menghasilkan sebanyak 100 kepinggram sehari."

"Pegilupan saya tidak menyalah kerana terbuak, hanya jual kepada mereka yang dituntut."

Menurutnya, setakat ini dia menanam 132 pokok tin dan sudah pun memetik 100 biji. Hasil arkan hasil dengan cepit dalam tempoh empat bulan, berbanding dengan pokok tin yang lain yang memerlukan masa tiga hingga empat tahun.

"Buah tin digemari bukan sahaja kerana rasanya tetapi dikawatirkan mempunyai banyak khasiat untuk merawat pelbagai jenis penyakit seperti diabetes, kolesterol, hipertensi dan buasir," katanya.

Shahral Hafizi memberitahu, berdasarkan permintaan yang tinggi, dia kini sedang mencari rakan untuk memabai kebajikan tanah untuk tanaman pokok tin.

"Saya setuju dengan saranan kecairan negeri agar tanah kawasan ini diperuntukkan untuk ditanam pokok tin," katanya.

"Jika dibenarkan, saya mahu menambah keluasan tanaman pokok tin," katanya.

Jualan durian cecah dua tan sehari

TELUK ANSON: Seorang peniaga durian, mahu menjual sehingga 2,000 kilogram setiap hari ebo-ram penanaman semakin meningkat.

Zulkifli Fadzil, 55, yang berniaga di Jalan Mabar, melala di sini berkata, dia mendapat belahan durian dari petani di Batu Kurau, Kuala Kangsar dan Tapah yang ketika ini mengahami musim jualan.

"Masa ni, durian dia menjual pelbagai jenis, durian seperti bukit, udang merah, dari binau, terbelaga dan Musang King," katanya.

beli, ada yang masak, ada yang bawa pulang. Susunannya cukup memuaskan. Sekadang anak natus pun datang," katanya.

Jelas Zulkifli, walaupun ada yang berharga tinggi, pedagang durian bekuliah mampu menjual sebanyak 100 kilogram durian setiap hari.

"Masa ni, durian dia menjual pelbagai jenis, durian seperti bukit, udang merah, dari binau, terbelaga dan Musang King," katanya.

beli, ada yang masak, ada yang bawa pulang. Susunannya cukup memuaskan. Sekadang anak natus pun datang," katanya.

"Sepanjang 12 tahun menjual durian, saya pernah menjual durian yang lebih dari semakir ini," katanya.

"Jika dibenarkan, saya mahu menambah keluasan tanaman pokok tin," katanya.

Durian Peti setanding Musang King

KAMPAR: Bandar Gopeng bukan sahaja terkenal dengan durian jenis Musang King, peti atau patty dalam dialek masyarakat Rawa (Rao) sejak berpuluh tahun lalu.

Adalah isanya yang kuning pekat, berlemak, manis dan sedikit pahit setanding Musang King.

Agli Sulaiman, 62, yang sudah lebih 40 tahun menjual peti ada perminat tersendiri kerana keunikan rasanya.

Salah satu yang tahu lecutan di-

akan durian premium. Harga sekepinggram (kg) durian Musang King yang baru sama dengan RM25. Durian yang bergantung pada jenis, kualiti dan kuantiti.

"Durian ini terbah di per- lu ditepahi terlebih dahulu sebelum dimakan," katanya.

"Saya pernah menjual durian Musang King yang baru sama dengan RM25. Durian yang bergantung pada jenis, kualiti dan kuantiti."

"Durian ini terbah di per- lu ditepahi terlebih dahulu sebelum dimakan," katanya.



ZULKIFLI Sulaiman memetik buah durian Peti yang rasanya enak Musang King di gerainya di Gopeng. - UTUSAN/MEGAT LUTFI MEGAT BIN



Kebun sains pelajar tanam padi

Oleh RAJA JAAFAR ALI
raja.jaafar@utusan.com.my

MURID Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Perling 2, Johor Bahru, berjaya menanam padi huma dalam pekarangan sekolah.

Walaupun hanya terdapat tiga petak padi yang disediakan, namun penghasilannya amat baik kerana menggunakan baja kompos yang dihasilkan sendiri daripada sisa makanan.

Guru Besar SK Seri Perling 2, Haliza Jufri berkata, projek tanaman padi yang

dusahkan pada tahun 2021 itu dapat menarik minat murid-murid sekolah ini untuk belajar cara-cara menanam padi.

"Projek tanaman padi yang dilaksanakan oleh guru-guru berjaya menarik minat murid-murid sekolah terutama murid tahap 1, 2 dan tiga.

"Dengan adanya projek tanaman padi ini, murid-murid dapat didedahkan dengan aktiviti perkebunan yang sihat di samping mempelajari benda baharu," katanya kepada Utusan Pelajar.

Bersembang di muka 22



AHMAD Imran Ridzli Nawal mengangkut pokok penghalau nyamuk di tingkap bilik darjah di SK Seri Perling 2, Johor Bahru. - UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI

Kebun sains pelajar tanam padi pekarangan sekolah

Dari muka 21

Menurut beliau SK Seri Perling 2 juga berjaya memupuk semangat cinta alam sekitar rendah karbon terhadap murid-murid dengan membuat aktiviti perkebunan di sekolah.

Murid-murid dari tahap satu hingga tiga dididik untuk melaksanakan program alam sekitar bermula daripada sisa kering hingga menjadi baja kompos.

Haliza berkata, aktiviti alam sekitar itu mula dilaksanakan pada tahun 2021 bermula dengan aktiviti perkebunan yang diberi nama P2 Paradise. "Murid-murid yang terlibat bermula dari tahap satu, dua dan tiga diajar untuk membuat baja kompos daripada sisa makanan dan daun-daun kering.

"Setelah berjaya menghasilkan baja kompos,



Geran sebanyak RM12,000 diberikan kepada pihak sekolah untuk menjayakan projek pengkomposan sisa makanan dalam bidang keutamaan pengurusan sisa mampan."

HALIZA JUFRI

Guru Besar SK Seri Perling 2



AHMAD RAZIN AIDZIL NAWAL

pihak sekolah mengambil inisiatif untuk membuka kebun sayur-sayuran di kawasan sekolah yang terbiar," katanya.

Menurutnya, hasil kerjasama para guru yang diketuai ketua projek Masayu Muhamad dan ibu- bapa, projek tanaman sayuran dan pengkultivasi baja kompos berjaya terutama tanaman padi huma sehingga membuahkan hasil.

Tanaman seperti padi huma, kangkung, kunyit, lengkuas, tomato, serai dan



ANGELINA TASHA SELAN

sawi hidup subur dengan menggunakan baja kompos yang dihasilkan sendiri oleh murid-murid.

Di samping itu, kawasan pokok-pokok herba, sayuran dan membela ikan tilapia merah.

Menurut Haliza, kejayaan SK Perling 2 menjayakan program ini mendapat pengiktirafan dari Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) bersama rakan strategik Iskandar Puteri Rendah Karbon (IPRK) iaitu

Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Jabatan Pendidikan Negeri Johor dan SWM Environment.

"Geran sebanyak RM12,000 diberikan kepada pihak sekolah untuk menjayakan projek pengkomposan sisa makanan dalam bidang keutamaan pengurusan sisa mampan," jelasnya

Tambahnya, minat murid-murid terhadap aktiviti ini berjaya melonjak prestasi pelajaran mereka.

Murid-murid yang telah diberikan pendedahan pengkomposan mula bergerak sendiri bagi mengumpul, membandang dan memproses sisa makanan sebagai rutin mingguan mereka.

HALIZA Jufri bersama murid-murid yang dibimbing cara bercucuk tanam di SK Seri Perling 2, Johor Bahru.

-UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/7/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	34

Matoa punya rasa tiga jenis buah



NASURA Mohd. Yusof menunjukkan matoa atau longan Brazil yang ditanamnya di dusun miliknya di Kampung Chelohgeh, Ulu Beranang, Lenggeng, Seremban. - UTUSAN/MOHD. SHAHJAHAN MAAMIN

Oleh **BADRUL HAFIZAN MAT ISA**
badrulisa@mediamulla.com.my | www.mediaindonesia.com

SEREMBAN: Apabila disebut matoa, pasti ramai yang masih asing mendengarnya.

Namun, ia bukan menghairankan kerana buah yang juga dipanggil longan Brazil ini sukar diperolehi di pasaran.

Buah yang turut dikenali di beberapa tempat sebagai buah kristal dan buah tiga rasa juga masih tidak banyak ditanam oleh pekebun.

Justeru, harganya di pasaran juga agak tinggi iaitu sekitar RM30 sekilogram.

Seorang penanam pokok matoa, Nasura Mohd. Yu-

sof, 63, berkata, ramai yang menggelamnya sebagai buah tiga rasa kerana mempunyai rasa seperti laici, rambutan dan durian.

Katanya, saiz matoa lebih besar berbanding longan malah isinya juga lebih tebal serta lebih puas dimakan.

"Saya menanam kira-kira 40 batang pokok matoa di dalam dusun dan kini tiga batang telah pun berbuah.

"Pokok buah ini ditanam bagi menarik kehadiran kelawar dan lebah kelulut yang merupakan ejen pendebungaan bagi pelbagai pokok buah durian yang saya tanam di dalam dusun ini," katanya ketika ditemui *Utusan*

Malaysia di Kampung Chelohgeh, Ulu Beranang, Lenggeng di sini.

Nasura memberitahu, matoa mempunyai potensi besar untuk ditanam dengan lebih luas kerana permintaannya sentiasa meningkat.

"Pokok buah ini juga mudah dijaga, tahan lasak. Saya tidak bimbang sangat untuk menanamnya malah hanya diletakkan sedikit baja senang hidup malah buahnya juga banyak.

"Buah ini masih terhad di pasaran, tidak selalu dilihat dijual sebab itu harganya sedikit tinggi. Sebab itu bagi saya, matoa ini mempunyai potensi yang cukup baik kerana rasanya enak dan menarik," jelasnya.

Malaysian volunteer service event highlights sustainable food security

KUANTAN: Soroptimist International (SI) Region of Malaysia celebrated World Environment Month on June 22 with a community event called "The Sustainable Food Security Project".

Malaysian soroptimists from all states attended the event held in Bentong to address the challenge of sustainable food security.

SI Region of Malaysia president Soon Lay Ean said the event was not just about feeding the hungry but also revolutionising the food system from

production and distribution to consumption and waste management.

"The one-day event was filled with engaging activities, including hands-on learning about growing ginger and ladies fingers, harvesting aquaponic vegetables such as sawi, spinach and long beans for a 'Farm to Table' lunch, preparing beds for vegetable growing and using natural pest control methods."

She said the project has trained 10 indigenous families in vegetable

cultivation and aquaponic farming.

"The families are earning an income by selling their cultivation and farming products. They are from the Teruan community living nearby aquaponics farms, who are unable to get permanent jobs.

"The tilapia fish harvested from the aquaponic systems are consumed locally and sold to nearby restaurants, boosting the socioeconomic status of the indigenous women."

Soon said investing in sustainable

food security builds resilient communities, supports economic development, promotes a healthier planet and fosters social equity through practices that ensure reliable access to nutritious food while minimising environmental impact.

"This would ensure everyone has access to nutritious food while preserving our planet's biodiversity as it aligns with the United Nations Sustainable Development Goals, particularly Zero Hunger, Good Health

and Well-being, and Responsible Consumption and Production."

SI president Puan Sri Siew Yong Gnanalingam, the first Malaysian to hold the global position, and two other SI leaders attended the event.

SI is a dynamic global volunteer movement striving to transform the lives of women and girls with around 62,000 members in 123 countries, advocating their education, empowerment and opportunities.

— by Farahatun Nisa Omar